



"ZAKAT FITRAH PELENGKAP PUASA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَعَاتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿...﴾</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhanNya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita diberikan kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah ZAKAT FITRAH PELENGKAP PUASA.</p> <p>Muslimin yang berbahagia,</p>	6
<p>Dalam Islam, ibadah zakat fitrah mempunyai beberapa elemen yang dekat dengan ibadah puasa. Pertama, zakat fitrah difardukan pada tahun kedua hijrah, seiring dengan kefarduan puasa. Kedua, zakat fitrah juga mempunyai dua rukun, sama dengan puasa yang juga mempunyai dua rukun. Ketiga, zakat fitrah dilaksanakan demi meringankan nasib orang-orang miskin, maka puasa juga mendidik kita menjiwai kelaparan yang sering ditanggung oleh orang-orang miskin.</p>	7



<p>Ibnu 'Abbas Radhiallahu'anhuma menyatakan bahawa:</p> <p>فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ.</p>	8
<p>“Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah untuk menyucikan orang yang berpuasa daripada perkara lalai dan perkataan keji, dan juga untuk memberi makan orang miskin.”</p> <p>(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)</p>	9
<p>Lalu timbul satu pertanyaan, sejauh manakah kita yang berpuasa pada hari ini dapat merasakan perkaitan antara puasa dan zakat fitrah? Adakah zakat fitrah yang kita tunaikan itu hanya sebagai rutin, demi melepaskan kewajipan semata-mata?</p> <p>Hadirin yang di kasihi Allah sekalian,</p>	10
<p>Sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 183 bahawa tujuan utama difardukan puasa adalah untuk takwa, maka ia disempurnakan oleh ibadah zakat fitrah di penghujungnya. Ibarat seorang pelari merentas desa, di hujungnya dia wajib menempuh halangan garisan penamat, menyentuh dan memutuskan tali reben.</p>	11



<p>Jika diibaratkan puasa itu seperti merentas desa, maka zakat fitrah itu adalah tali rebennya. Dengan menunaikan zakat fitrah, maka sempurnalah pakej puasa kita. Sempurnalah sudah usaha kita untuk mencapai darjat takwa dan seterusnya menjadi manusia yang 'baharu dari segi iman dan akhlaknya' setelah selesai melalui madrasah Ramadan. Lantas layak pula untuk menerima hadiah luar biasa di atas kejayaan itu.</p>	12
<p>Hadis daripada Ali bin Abi Thalib Radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>إِنَّ فِي الْجَنَّةِ لَغُرَفًا تُرَى ظُهُورُهَا مِنْ بُطُونِهَا وَبُطُونُهَا مِنْ ظُهُورِهَا. فَقَامَ إِلَيْهِ أَعْرَابِيٌّ فَقَالَ: لِمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: هِيَ لِمَنْ أَطَابَ الْكَلَامَ، وَأَطْعَمَ الطَّعَامَ، وَأَدَامَ الصِّيَامَ، وَصَلَّى لِلَّهِ بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ</p>	13
<p>"Sesungguhnya di dalam syurga terdapat kamar yang luarnya dapat dilihat dari dalamnya, dan dalamnya dapat dilihat dari luarnya. (Kemudian) berdirilah seorang Arab badui lantas bertanya: Kepada siapakah (kamar tersebut disediakan) wahai Rasulullah?" Baginda SAW menjawab: "Bagi mereka yang berkata baik, memberi makan (termasuklah menunaikan zakat fitrah), rajin berpuasa dan mengerjakan solat kerana Allah di malam hari di saat manusia lain sedang terlena."</p> <p>(Riwayat al-Tirmidzi)</p>	14



<p>Hadis tersebut jelas menunjukkan kepada kita bahawa sesungguhnya Allah SWT telah menyediakan hadiah yang istimewa khusus bagi mereka yang menunaikan kewajipan zakat fitrah seiring dengan amalan puasa. Demikianlah betapa zakat fitrah dapat menyempurnakan amalan puasa kita.</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	15
<p>Hakikatnya, kebanyakan dari permasalahan dunia ini berpunca daripada buruknya lisan dan buruknya akhlak seperti bersikap bakhil, tamak dan haloba. Dengan berpuasa, hakikatnya kita telah memaksa diri untuk merasai serba sedikit kesusahan yang dialami oleh fakir miskin. Bayangkan, 13 jam lamanya usus kita dibiarkan kosong hingga kita menjadi lapar dan lesu. Latihan amali ini akhirnya perlu disimpulkan dengan satu perbuatan mulia, iaitu saling berkongsi rezeki dengan memberi sedekah dan menunaikan zakat fitrah.</p>	16
<p>Apalah maknanya jika sudah merasai jerih perih orang miskin menahan lapar, namun pada akhirnya masih diselaputi rasa bakhil untuk berkongsi rezeki dengan mereka? Maka, zakat fitrah hadir sebagai pembatas, adakah kita sudah dapat melentur sifat tamak dalam diri dan dapat menundukkan kebakhilan, atau masih bersifat seperti enau di dalam belukar yang hanya melepaskan pucuknya masing-masing?</p> <p>Hadirin Jumaat yang dimuliakan,</p>	17



<p>Sehingga 31 Disember 2020, direkodkan terdapat lebih 60 ribu buah keluarga miskin yang berdaftar secara rasmi di Lembaga Zakat Selangor. Jumlah itu bukanlah sedikit, kerana jika diperincikan kepada bilangan individu, maka hakikatnya ia melebihi 350 ribu orang. Justeru, Lembaga Zakat Selangor saban tahun sentiasa berusaha memastikan agar mereka ini mendapat bantuan yang cukup bagi menyambut hari raya dengan lebih sempurna. Pada tahun 2020 yang lalu, lebih RM27 juta telah diagihkan menjelang hari raya. Lembaga Zakat Selangor juga memastikan bahawa setiap individu atau keluarga miskin mendapat bantuan Raya dengan minimum RM300 dan jumlah ini akan meningkat mengikut bilangan tanggungan sehingga maksimum RM1,000 bagi sebuah keluarga.</p>	18
<p>Atas dasar itu, maka pihak Lembaga Zakat Selangor tidak jemu-jemu menyeru agar semua umat Islam di negeri ini menjadikan zakat fitrah sebagai ladang pahala. Malah, jika dahulu zakat fitrah hanya sekadar RM7.00, maka kini Lembaga Zakat Selangor menggalakkan umat Islam agar memilih harga zakat fitrah yang lebih sesuai dengan hidup mereka. Sama ada RM14.00 atau RM21.00 seorang mengikut jenis beras yang biasa mereka makan setiap hari.</p>	19
<p>Ya, jika kita mampu makan makanan yang enak dan beras yang lebih mahal, maka sewajarnya kita memilih harga fitrah yang bersesuaian dengan kemampuan kita. Ini menepati apa yang disarankan oleh Nabi Muhammad SAW.</p>	20
<p>Abdullah bin 'Umar Radhiallahu'anhuma menyatakan:</p> <p>أَمَرَ النَّبِيُّ ﷺ بِزَكَاةِ الْفِطْرِ، صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ. فَجَعَلَ النَّاسُ عِدْلَهُ مُدَّيْنٍ مِنْ حِنْطَةٍ</p>	21



<p>"Rasulullah SAW memerintahkan (kami) supaya membayar zakat fitrah segantang kurma atau segantang barli. Maka orang ramai menyamakan (segantang itu) dengan dua cupak <i>hintah</i> (gandum yang paling baik)."</p> <p>(Riwayat Al-Bukhari)</p>	22
<p>Ini yang dianjurkan oleh Islam, iaitu berusaha mencari yang terbaik tatkala beramal sebagaimana difirmankan Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 148:</p> <p style="text-align: center;">فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ</p> <p>"Maka berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan."</p>	23
<p>Sebenarnya, Lembaga Zakat Selangor telah menyediakan pelbagai saluran pembayaran zakat, sama ada secara atas talian, potongan gaji, kad kredit, ATM, ejen zakat dan sebagainya. Pastikan kita membayar di saluran yang betul dan kepada amil yang bertauliah, demi memastikan zakat kita menjadi sah dan benar-benar sampai kepada asnaf yang berhak.</p>	24
<p>Hal ini selaras dengan apa yang telah dititahkan oleh DYMM Sultan Selangor dan juga keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, bahawa zakat hendaklah disalurkan kepada Lembaga Zakat Selangor sebagai entiti yang bertauliah menguruskan zakat di negeri ini.</p> <p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p>	25



<p>Mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah memahami zakat fitrah adalah ibadah yang sangat besar fadilatnya di sisi ibadah puasa untuk membentuk takwa.2. Umat Islam hendaklah menunaikan kewajipan zakat fitrah sesuai dengan kemampuan diri dengan memilih harga fitrah yang telah ditentukan.3. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat fitrah dan zakat harta menerusi Lembaga Zakat Selangor agar zakat itu dapat diagihkan secara menyeluruh kepada semua asnaf yang berhak.	26
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَظَلَّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾</p>	27
<p>“Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun ditempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah maha melihat akan apa yang kamu lakukan”.</p> <p style="text-align: right;">(Surah Al-Baqarah : 265)</p>	28



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	29
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	30



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita senantiasanya dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19.</p>	5
<p>Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Kita juga tidak perlu gusar dan ragu-ragu lagi apabila menerima suntikan tersebut ketika berpuasa di bulan Ramadan</p>	6
<p>kerana ianya tidak akan membatalkan puasa. Perkara ini telah diperhalusi dan diperbincangkan untuk menetapkan hukum keharusannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 9 Mac 2021.</p>	7




<p>Khatib juga ingin berpesan, dalam kita mengejar segala fadilat dan kelebihan bulan ramadan yang berbaki 19 hari lagi, marilah kita menggandakan usaha untuk menghidupkan malam-malam ramadan dengan mendirikan solat sunat tarawih secara sempurna iaitu sebanyak dua puluh rakaat. Inilah yang bertepatan dengan mazhab Al-Shafie.</p>	
<p>Dalam kitab al-Majmu' karangan imam Al-Nawawi menyatakan :</p> <p>مَذْهَبُنَا أَنَّهَا عِشْرُونَ رُكْعَةً بَعَشْرٍ تَسْلِيْمَاتٍ غَيْرِ الْوَتْرِ</p> <p>“ Mazhab kami, ia (solat tarawih) adalah dua puluh rakaat dengan sepuluh salam tidak termasuk witr”.</p> <p>Bahkan ia juga adalah pegangan Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad bin Hanbal. Manakala Imam Malik bin Anas pula menyatakan sebanyak tiga puluh enam rakaat.</p>	
<p>Dua puluh rakaat solat sunat tarawih ini berdasarkan riwayat daripada Al-Sa'ib bin Yazid Radhiallahu'anhu katanya :</p> <p>كَانُوا يَقُومُونَ عَلَى عَهْدِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ بِعِشْرِينَ رُكْعَةً.</p> <p>“Adalah mereka (para sahabat) pada zaman Umar bin Al-Khattab Radhiallahu'anhu mendirikan (tarawih) pada bulan Ramadan sebanyak dua puluh rakaat”.</p> <p>(Riwayat Al-Baihaqi)</p>	



<p>Oleh itu, marilah kita sempurnakan tarawih sebanyak dua puluh rakaat, agar mendapat fadilat sebagaimana yang dijanjikan oleh baginda nabi SAW iaitu keampunan Allah bagi segala dosa yang telah lalu. Sesungguhnya, tarawih yang dilakukan kurang daripada bilangan rakaat tersebut tidak dinamakan tarawih sebagaimana dalam mazhab Shafie', namun ia tetap mendapat pahala solat malam (qiam) insha Allah.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	
<p>Dihari yang mulia ini, marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW kerana perintah Allah dalam firmanNya :</p>	
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	9
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرِ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	12
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	13



<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	14
<p>اللَّهُمَّ اَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج</p>	15
<p>فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	18
<p>اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيْفُ اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ وَبِالْاِجَابَةِ جَدِيْرٌ.</p>	19
	20



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠٦﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22